

PELAKSANAAN AKTIVITI *CIRCLE TIME* UNTUK KEMAHIRAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK TADIKA

ILHAM RODING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

PELAKSANAAN AKTIVITI *CIRCLE TIME* UNTUK KEMAHIRAN
KOMUNIKASI KANAK-KANAK TADIKA

ILHAM RODING

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN)

PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (NCDRC)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10/5/2021

Perakuan Pelajar:

Saya, ILHAM RODING, M20171001040 PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (NCDRC) dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PELAKSANAAN AKTIVITI *CIRCLE TIME* UNTUK KEMAHIRAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK TADIKA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PM DR. MAZLINA BT CHE MUSTAFA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN AKTIVITI *CIRCLE TIME* UNTUK KEMAHIRAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK TADIKA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PELAKSANAAN AKTIVITI *CIRCLE TIME* UNTUK KEMAHIRAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK TADIKA

No. Matrik / Matric's No.: M20171001040

Saya / I: ILHAM RODING

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.



PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani”

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat baginda. Maka dengan ini saya telah dapat menyiapkan penyelidikan bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana (Pendidikan Awal Kanak-kanak).

Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada penyelia tesis saya, Profesor Madya Dr. Mazlina Che Mustafa, yang banyak memberikan dorongan, bimbingan, motivasi dan persahabatan. Saya juga amat berterima kasih kepada Dr. Mohd Khairul Nizam bin Zainan Nazri dan isteri, Dr. Mardiana bt Mat Ishak, kakitangan 2M World Sdn Bhd serta rakan-rakan Platinum. Segala sokongan dan doa mereka yang berterusan, merupakan sinar kepada saya untuk mengharungi ranjau kajian dan penulisan tesis ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membenarkan saya membuat rujukan di Perpustakaan Tuanku Bainun. Begitu juga kepada seluruh pensyarah dan kakitangan Fakulti NCDRC, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Selain itu, ucapan terima kasih kepada pihak TADIKA yang terlibat dengan kajian atas bantuan mereka memberikan keizinan kepada saya menjalankan kajian.

Ucapan penghargaan yang istimewa saya lakarkan buat suami tercinta Idi Hamdi, anak-anak kesayangan saya Muhammad Al Fateh, Siti Sumayyah dan Siti Umaymah atas pengorbanan masa, sokongan dan doa yang tidak pernah putus. Selanjutnya, saya dedikasikan kejayaan ini buat kedua-dua ibu bapa saya Haji Abdullah dan Hajjah Zainab yang sentiasa mendoakan kesejahteraan saya dan memberikan dorongan sehingga pengajian ini berakhir dengan kejayaan. Kejayaan ini juga wajar saya kongsikan dengan ahli keluarga lain, semua sahabat sejati, staf Azan Education International Sdn Bhd serta pelajar saya yang selalu memberikan kata-kata semangat. Alhamdulillah dan terima kasih saya ucapkan.

Akhir sekali ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan tesis ini. Semoga Allah membalas jasa dan pengorbanan anda semua. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini meneroka pelaksanaan aktiviti *Circle Time* untuk kemahiran komunikasi kanak-kanak TADIK. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Seramai dua orang kanak-kanak TADIK kelas 5 tahun, seorang guru kelas 5 tahun dan dua orang ibu kepada peserta kajian terlibat dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah pemerhatian dan temu bual separa berstruktur. Pemerhatian terhadap kanak-kanak telah dijalankan sebanyak sepuluh kali dengan memfokuskan kepada kemahiran komunikasi semasa aktiviti *Circle Time*. Setiap guru dan ibu telah ditemu bual sekali untuk meneroka pandangan mereka tentang aktiviti *Circle Time* dan impaknya terhadap kemahiran komunikasi kanak-kanak. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis tematik untuk menganalisis dapatan kajian. Beberapa tema telah terhasil bagi menjawab persoalan kajian. Tema yang muncul adalah aktiviti interaktif, pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak, dan aktiviti berpusatkan kanak-kanak. Aktiviti interaktif seperti bercerita, belajar melalui bermain, dan bersoal jawab merupakan aktiviti yang diamalkan oleh guru setiap pagi. Pendekatan yang bersesuaian seperti pendekatan nyanyian muzik, bersepadu, dan belajar melalui bermain merupakan pendekatan yang menyumbang kepada kemahiran komunikasi kanak-kanak. Aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak seperti bersoal jawab dan bermain adalah penting dalam mengoptimumkan komunikasi kanak-kanak. Kesimpulannya, pelaksanaan aktiviti *Circle Time* melalui aktiviti interaktif, pendekatan yang bersesuaian dan berpusatkan kanak-kanak mampu meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak. Implikasi kajian menunjukkan bahawa guru TADIK perlu menjalani latihan profesional berterusan mengenai aktiviti *Circle Time* untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak.



THE IMPLEMENTATION OF CIRCLE TIME FOR COMMUNICATION SKILLS AMONG PRESCHOOLERS

ABSTRACT

This study explores the implementation of Circle Time activities for communication skills among preschoolers. A qualitative approach with a case study design was used in this study. A total of two five-year-old preschoolers, one five-year-old class teacher and two mothers were involved as the case study participants. The research method adopted were observation and semi-structured interview. The children were observed 10 times by focusing on communication skills during Circle Time activities. Each of the teachers and parents were interviewed once to explore their views on the Circle Time activities and its impact on the children's communication skills. Thematic analysis was used to analyse the data deductively. The themes emerged were organised to answer the research questions. The themes that emerged were interactive activities, appropriate approaches to improve children's communication skills, and child-centered activities. Interactive activities such as story-telling, learn through play, and asking questions were activities that teachers practice every morning. Appropriate approaches such as music singing, integrated, and play based learning contributed to preschooler's communication skills. The child-centered activities such as question and answer and play were important in optimizing preschooler's communication skills. In conclusion, the implementation of Circle Time activities through interactive, appropriate approaches, and child-centered activities can improve the preschooler's communication skills. The implication of the study highlights that preschool teachers need to go for continuous professional trainings on Circle Time activities to improve children's language and communication skills.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

vii

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xiv

SENARAI SINGKATAN xv

SENARAI LAMPIRAN xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah Kajian 11

1.4 Objektif Kajian 16

1.5 Persoalan Kajian 17

1.6	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	18
1.8	Batasan Kajian	20
1.9	Definisi Operasional	21
1.9.1	<i>Circle Time</i>	21
1.9.2	Kemahiran Komunikasi	22
1.9.3	Kanak-kanak TADIKA	23
1.9.4	TADIKA Swasta	23
1.10	Kesimpulan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	25
2.2	Perspektif Teoretikal	26
2.2.1	Teori Pembelajaran Sosial Vygotsky (1896-1934)	27
2.2.2	Teori Interaksionalisme (Mark Halliday: 1960-1970)	30
2.2.3	Teori Perkembangan Sosioemosi -Erik Erikson (1902-1994)	31
2.3	Pendekatan dan Kaedah Pembelajaran di TADIKA: Definisi dan Konsep	33
2.3.1	Pelaksanaan Amalan Rutin Harian di TADIKA	37
2.4	Pelaksanaan Aktiviti <i>Circle Time</i>	38
2.4.1	Model <i>Circle Time</i> Mosley (1998)	41
2.4.2	Peranan Guru dalam Melaksanakan Aktiviti <i>Circle Time</i>	42

2.5	Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak TADIKA	47
2.6	Ciri-ciri Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak: Umur 4 - 6 Tahun	50
2.6.1	Faktor untuk Menggalakkan Perkembangan Bahasa bagi Kanak-kanak	52
2.6.2	Aktiviti Sokongan bagi Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak	54
2.7	Kajian Berkaitan Aktiviti <i>Circle Time</i> dari Dapatan Lepas	59
2.8	Kesimpulan	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	66
3.2	Pendekatan Kajian	67
3.2.1	Reka Bentuk Kajian	68
3.3	Kajian Kes	71
3.3.1	Kelebihan Kajian Kes	73
3.3.2	Kekurangan Kajian Kes	74
3.3.3	Jenis-jenis Kajian Kes	75
3.3.4	Justifikasi Penggunaan Kajian Kes Tunggal	76
3.4	Lokasi Kajian	77
3.5	Populasi dan Pensampelan Kajian	78
3.5.1	Pensampelan Bertujuan (<i>Purposive Sampling</i>)	79
3.6	Kriteria Pemilihan Sampel Kajian	79
3.7	Prosedur Kajian	81

3.8	Kaedah Pengumpulan Data	81
3.8.1	Pemerhatian	83
3.8.1.1	Borang Pemerhatian	84
3.8.1.2	Rakaman Video	85
3.8.2	Temu Bual Separa Berstruktur	89
3.8.2.1	Temu Bual Guru	93
3.8.2.2	Temu Bual Ibu Bapa	95
3.9	Instrumen	96
3.9.1	Borang Pemerhatian	97
3.9.2	Borang Temu Bual Guru	99
3.9.3	Borang Temu Bual Ibu Bapa	101
3.10	Tatacara Pengumpulan Data	103
3.10.1	Pemerhatian	104
3.10.2	Temu Bual	107
3.11	Prosedur Analisis Data	113
3.11.1	Analisis Bertema	118
3.11.2	Analisis Data Menggunakan Perisian Komputer	120
3.11.3	Perisian NVivo	121
3.12	Kesahan dan Kebolehpercayaan	122
3.12.1	Proses Triangulasi	123
3.12.2	<i>Member Checking</i>	123
3.12.3	Kesahan daripada Pakar	124

3.13	Etika dalam Kajian	125
3.14	Kesimpulan	128

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	129
4.2	Profil Peserta Kajian	130
4.2.1	Profil Guru	131
4.2.2	Profil Kanak-kanak	132
4.2.3	Profil Ibu Bapa	133
4.3	Dapatan Kajian	134
4.3.1	Apakah Aktiviti <i>Circle Time</i> yang dilaksanakan di TADIKA Swasta Bandar Seri Putra, Bangi?	135
4.3.2	Sejauhmanakah Pelaksanaan <i>Circle Time</i> Dapat Membantu Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Kalangan Kanak-kanak di TADIKA Swasta Bandar Seri Putra, Bangi?	143
4.3.3	Apakah Jenis Aktiviti yang Sesuai dalam Sesi <i>Circle Time</i> agar Setiap Kanak-kanak di TADIKA Swasta Bandar Seri Putra, Bangi berpeluang untuk Berkomunikasi?	152
4.4	Kesimpulan	156

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	158
5.2	Rumusan Dapatan kajian	159
5.3	Perbincangan Dapatan kajian	161
5.3.1	Apakah Aktiviti <i>Circle Time</i> yang dilaksanakan di TADIKA Swasta Bandar Seri Putra, Bangi	162

5.3.2	Sejauhmanakah Pelaksanaan <i>Circle Time</i> Dapat Membantu Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Kalangan Kanak-kanak di TADIKA Swasta Bandar Seri Putra, Bangi?	166
-------	--	-----

5.3.3	Apakah Jenis Aktiviti yang Sesuai Dalam Sesi <i>Circle Time</i> Agar Setiap Kanak-kana di TADIKA Swasta Bandar Seri Putra, Bangi Berpeluang untuk Berkomunikasi	169
-------	---	-----

5.4	Implikasi Kajian	175
-----	------------------	-----

5.4.1	Implikasi kepada Guru	176
-------	-----------------------	-----

5.4.2	Implikasi kepada Kanak-kanak	177
-------	------------------------------	-----

5.4.3	Implikasi kepada TADIKA	177
-------	-------------------------	-----

5.4.4	Implikasi kepada Ibu Bapa	178
-------	---------------------------	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	179
-----	--------------------------	-----

5.6	Penutup	180
-----	---------	-----

RUJUKAN	183
----------------	-----

LAMPIRAN	198
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Standard Pembelajaran Kemahiran Berkomunikasi ditetapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 55
3.1.	Jadual Perbezaan Kajian Kes Tunggal dan Kajian Kes Berbilang 75
3.2	Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen 82
3.3.	Borang Pemerhatian 98
3.4.	Borang Temubual Guru 99
3.5.	Borang Temubual Ibu bapa 102
3.6	Jadual Sesi Pemerhatian 105
3.7	Jadual Sesi Temu Bual Guru 110
3.8	Jadual Sesi Temu Bual Ibu Peserta Kajian 112
4.1	Profil Demografi Peserta Kajian (Guru) 131
4.2	Profil Demografi Peserta Kajian 133
4.3	Profil Demografi Peserta Kajian (Ibu) 134
4.4	Rumusan Aktiviti-aktiviti Interaktif 136



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	18
3.1	Reka Bentuk Kajian	70
3.2	Kerangka Kajian Kes (Yin, 2018)	72
3.3	Proses Pengumpulan Data	96
4.1	Tema Utama Dapatan Kajian	156



SENARAI SINGKATAN

JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
TADIKa	Taman Didikan Kanak-kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i> (Zon Perkembangan Proksimal)

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Pemerhatian
- B Borang Temu Bual Guru
- C Borang Temu Bual Ibu
- D Surat Kebenaran Temu Bual Guru
- E Surat Kebenaran Temu Bual Ibu Bapa
- F Surat Permohonan Kajian di TADIKA Swasta
- G Contoh Surat Lantikan Pakar

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia merupakan program tidak formal yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun selama setahun atau lebih sebelum dimasukkan ke tahun satu dalam sistem persekolahan formal (Malaysia, 1996). Pendidikan awal di prasekolah ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak sebelum mereka melangkah ke suasana persekolahan yang sebenar. Sistem Pendidikan Kebangsaan mengikut Akta Pendidikan 1996 mempunyai matlamat untuk membina potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu dari aspek jasmani, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Matlamat tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, menanamkan keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif dalam diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Memasuki alam persekolahan rendah bagi kanak-kanak merupakan pengalaman yang penting dan merupakan pencapaian besar bagi seseorang anak. Maka, ibu bapa harus memainkan peranan penting untuk memastikan kemahiran anak-anak berkembang sesuai dengan tahap umur mereka. Ini kerana, pada peringkat kanak-kanak mula memasuki alam persekolahan, mereka seharusnya telah dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang utama seperti perkembangan motor, sosial, emosi, kognitif dan sebagainya. Selain itu, sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan, mereka sebaiknya didedahkan dengan suasana pembelajaran agar memudahkan proses penyesuaian diri mereka di sekolah kelak (Saturia 2014).

Pendidikan prasekolah juga memberi ruang dan peluang kepada kanak-kanak untuk belajar dan menguasai kemahiran yang patut kanak-kanak perolehi dengan lebih baik. Kanak-kanak akan dapat belajar melalui perilaku yang betul daripada guru-guru dan rakan sebaya. Ini bermakna, kanak-kanak akan diberi peluang untuk belajar dengan memerhati dan berinteraksi dengan kanak-kanak yang lain. Oleh hal yang demikian, guru merupakan individu yang berperanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang terlibat secara langsung dalam pertemuan secara bersemuka dengan murid (Noor Fadhlina et al., 2019).

Persekitaran pembelajaran di peringkat prasekolah mempunyai rutin harian yang dijalankan setiap pagi yang dikenali sebagai *Circle Time*. Ia merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh kanak-kanak prasekolah secara berkumpulan dalam

bentuk bulatan sebelum sesi pembelajaran bermula di bawah kendalian guru. Ketika aktiviti *Circle Time*, kanak-kanak berkumpul, membaca doa dan seterusnya menyanyikan lagu-lagu patriotik seperti lagu Negaraku, lagu Kebangsaan Negeri serta membaca ikrar (Jawatankuasa Jaminan Kualiti Permata Q, 2017). Menurut Kamala et al. (2018), kanak-kanak bukan hanya mempelajari pelbagai aktiviti berkumpul melalui *Circle Time*, malah kanak-kanak dapat berkumpul serta mengambil bahagian untuk belajar kemahiran bersosial, berkomunikasi dan akademik.

Kemahiran berkomunikasi di peringkat prasekolah dapat ditingkatkan dengan lebih berkesan melalui aktiviti *Circle Time*. Ini kerana, menurut Anna Fauza et al. (2018), mengatakan bahawa aktiviti pusat atau bulatan ialah cara utama untuk kanak-kanak kecil menguasai bahasa dengan cara yang menyeronokkan. Malah pendapat tersebut konsisten dengan Faizahani et al. (2019) yang mengatakan bahawa *Circle Time* juga boleh membantu kanak-kanak untuk bekerjasama antara satu sama lain dan membawa kepada peningkatan dalam kemahiran bertutur dan mendengar. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa sebilangan kanak-kanak masih tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran bahasa dan komunikasi. Hal ini dikaitkan dengan masalah perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak dan beberapa faktor lain yang terlibat (Durkin & Conti-Ramsden, 2007).

Meskipun terdapat banyak kajian lepas yang menerokai aktiviti harian kanak-kanak, khususnya *Circle Time*, namun pengkaji ingin mengenal pasti dan menganalisis pelaksanaan aktiviti tersebut yang dijalankan di TADIKAs swasta.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan asas yang penting kerana menjadi pendidikan formal terawal yang diterima oleh seseorang kanak-kanak dalam perkembangan hidupnya selain pendidikan informal yang diterima di rumah. Menurut Mahani dalam petikan Afifah (2018) mendefinisikan Pendidikan Awal Kanak-kanak sebagai penjagaan awal iaitu berbeza di seluruh dunia. Negara-negara maju menganggap zaman awal kanak-kanak sebagai tempoh dari lahir hingga umur lapan (8) tahun manakala negara membangun memberi tumpuan kepada kelahiran hingga umur enam (6) tahun. Di England, Scotland dan Wales, kanak-kanak di sekolah TASKA biasanya berumur antara tiga (3) hingga lima (5) tahun, dan di Ireland Utara, antara dua (2) hingga empat (4) tahun. Di England dan Wales, beberapa buah sekolah mempunyai kelas yang dipanggil "penerimaan", iaitu kelas untuk kanak-kanak yang masih belum mencapai umur sekolah wajib lima tahun (Afifah, 2018).

Walau bagaimanapun, dalam konteks pendidikan di Malaysia, kanak - kanak prasekolah atau TADIKa adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berusia lima dan enam tahun (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

Kajian ilmiah telah membuktikan bahawa pembelajaran awal amat penting untuk membantu kejayaan kanak-kanak di sekolah dan kehidupan masa hadapan mereka. Pada peringkat awal ini, kanak-kanak lebih mudah dilentur dan dibentuk peribadi serta inteletiknya. Ini kerana, otak kanak-kanak pada usia satu hingga empat tahun seperti span yang mampu menyerap apa sahaja dengan cepat daripada persekitarannya. Oleh itu, pada peringkat awal ini ibu bapa atau penjaga perlu diberi





pendedahan tentang proses pembelajaran yang mampu memberi kesan positif kepada tumbesaran kanak-kanak.

Menurut pakar psikologi, personaliti seorang anak itu sudah terbentuk sejak sebelum usia mereka mencapai lima tahun. Pengalaman dan persekitaran kanak-kanak ialah faktor utama yang mencorakkan dan membentuk personaliti mereka. Kajian-kajian dalam bidang psikologi berkenaan isu dan perhatian dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia dan Jepun membuktikan bahawa personaliti yang terbentuk pada peringkat awal ini dapat kekal sehingga dewasa. Oleh hal yang demikian, jika ibu bapa menginginkan anak-anak mereka mempunyai personaliti yang baik dan mulia, positif dalam perhubungan dan pengurusan diri, berdaya maju, bijak berkomunikasi serta pandai menyesuaikan diri dalam apa sahaja keadaan, maka berikanlah kepada mereka pendidikan dan pengalaman awal yang berkualiti (Afifah, 2018).



Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) dan dilakukan semakan semula pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Semakan yang telah dibuat itu bertujuan untuk memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di peringkat prasekolah memenuhi keperluan semasa dan setanding dengan standard antarabangsa. KSPK 2017 bukan hanya membuat semakan untuk memberi penekanan lebih terhadap pengetahuan, kemahiran, dan nilai eksplisit Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sahaja. Malah berhasrat untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mencukupi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh para guru sama ada di dalam atau pun luar bilik darjah.



Terdapat enam (6) tunjang utama yang terkandung dalam KSPK 2017, iaitu Tunjang Fizikal dan Estetika; Tunjang Komunikasi; Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai; Tunjang Kemanusiaan; Tunjang Sains dan Teknologi; dan Tunjang Ketrampilan Diri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Keenam-enam tunjang ini merupakan asas utama dan saling menguatkan antara satu sama lain bagi membangunkan modal insan yang berkualiti.

Menurut Shahida et al. (2012), Kurikulum Pendidikan Negara amat cakna dan menitikberatkan perkembangan bahasa dan komunikasi, perkembangan kerohanian dan moral, sosioemosi, fizikal, kreativiti, estetika dan perkembangan kognitif dalam proses pembelajaran di prasekolah. Maka, dengan kewujudan kesemua tunjang utama ini, kerajaan berharap agar pembangunan perwatakan yang positif dalam kalangan kanak-kanak khususnya di peringkat prasekolah dapat dipastikan.

Berdasarkan sembilan (9) objektif yang ditetapkan oleh KSPK (2017), terdapat enam (6) objektif yang memberi penekanan kepada kemahiran berkomunikasi kanak-kanak prasekolah. Justeru ini menunjukkan bahawa kemahiran berkomunikasi amat penting. Jika kanak-kanak gagal menguasai kemahiran berbahasa dan tidak dapat berkomunikasi dengan baik, kanak-kanak tersebut akan menunjukkan pencapaian yang rendah dalam pelajaran (Noraini, 2014). Pendapat ini turut disokong oleh Zainiah et al. (2018a) bahawa kanak-kanak yang tidak mendapat kebaikan daripada pendedahan bahasa dan perbendaharaan kata akan menghadapi beberapa masalah yang berkaitan dengan kemahiran membaca seperti masalah kelancaran, pemahaman, dan kurang membaca berbanding rakan sebaya yang lain (Isa et al., 2018).



Merujuk KSPK (2017) melalui Tunjang Komunikasi bahasa Malaysia, kemahiran berkomunikasi telah ditetapkan sebagai kemahiran bertutur di bawah fokus BM2.0 yang melibatkan lima standard kandungan utama yang dibahagikan kepada kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun (dicatatkan sebagai empat (4+) dan lima (5+) dalam KSPK (2017). Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada kemahiran berkomunikasi kanak-kanak yang berusia lima tahun. Mengikut KSPK (2017), kanak-kanak TADIKA berusia lima tahun diharapkan dapat menguasai kemahiran berkomunikasi seperti standard pembelajaran berikut:

BM 1.1.2 Mengecam dan membezakan bunyi di persekitaran

- (i) manusia
- (ii) alam sekitar

(iii) ciptaan manusia

BM 1.1.3 Memberi respons terhadap bunyi yang didengar.

BM 1.2.2 Mendengar dan memberi respons dengan bertatasusila terhadap:

- (i) arahan
- (ii) soalan
- (iii) cerita

BM 1.2.2 Mendengar dan melafazkan puisi dengan intonasi yang betul

BM 1.3.4 Mendengar, mengecam dan menyebut perkataan.

BM 1.3.5 Menyebut dan memberi respons terhadap perkataan yang didengar

BM 1.4.4 Berinteraksi menggunakan ayat mudah mengikut situasi.



BM 1.4.5 Berinteraksi menggunakan ayat mudah untuk:

- (i) memberi arahan
- (ii) memberi pandangan

BM 1.4.6 Bersoal jawab menggunakan ayat mudah berdasarkan bahan rangsangan.

BM 1.5.2 Menyampaikan idea secara kritis tentang sesuatu yang didengar, dilihat atau dialami.

Merujuk kepada kemahiran berkomunikasi yang tersenarai dalam KSPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), fokus kepada standard pembelajaran kemahiran berkomunikasi menjadi tunggak kepada kecemerlangan kanak-kanak. Amalan berkomunikasi itu mempengaruhi sahsiah seseorang. Menurut Armbruster (2001), interaksi lisan menjadi sumber maklumat dan alat pembinaan makna dalam pembelajaran, dengan penglibatan diri kanak-kanak untuk aktiviti lisan secara berulang-ulang akan meningkatkan peluang kelancaran membaca mereka (Kamisah 2013).

Vygotsky (1978) dalam petikan Lattimer dan Riordan (2011) membahaskan berkenaan kemahiran kanak-kanak khususnya kemahiran komunikasi. Kemahiran ini merupakan aspek utama kemahiran berbahasa kerana kanak-kanak yang mampu berinteraksi dengan baik akan lebih termotivasi untuk belajar seterusnya memberi dorongan kepada mereka untuk proses penerokaan pengetahuan. Proses penerokaan kanak-kanak boleh berlaku menerusi aktiviti seperti perbincangan, perbualan, penyoalan dan perkongsian pengalaman yang menggunakan kemahiran berkomunikasi.



Dalam perkembangan dan kemahiran kanak-kanak, kemahiran lisan, kemahiran bertutur dan kemahiran berkomunikasi sangat penting. Kesemua kemahiran tersebut menjadi tanggungjawab ibu bapa dan guru untuk memupuk dan mengajar sebaik mungkin supaya kanak-kanak boleh berkomunikasi secara berkesan. Kebolehan bercakap semata-mata tidak bermakna seseorang kanak-kanak itu menguasai kemahiran berkomunikasi (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012). Ini kerana, ciri-ciri kemahiran berkomunikasi yang berkesan bagi kanak-kanak TADIKA adalah memerlukan sekurang-kurangnya boleh menyampaikan idea dengan berani, yakin dalam memberikan pendapat, boleh berinteraksi dengan orang lain, menghormati perasaan serta hak orang lain serta mampu menceritakan sesuatu perkara dengan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).



Menurut Noor Miza (2012), faktor utama kanak-kanak sukar mencapai kemahiran berkomunikasi seperti yang diharapkan berpunca daripada masalah penggunaan dialek yang pelbagai, tidak yakin, kurang pendedahan, malu serta sikap ibu bapa dan guru yang kurang memberikan peluang kanak-kanak melakukan sesuatu secara bermakna (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2012). Jika kanak-kanak melakukan sesuatu perkara yang bermakna dengan bimbingan guru, maka mereka akan bertutur, berbual atau berkomunikasi dalam konteks yang lebih positif bagi memenuhi nilai kesantunan masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, kemahiran berbahasa dan komunikasi menjadi asas kepada penguasaan sesuatu kemahiran bahasa. Aktiviti rutin harian yang menjurus kepada penguasaan kemahiran berkomunikasi boleh dikukuhkan melalui aktiviti *Circle Time*. Kajian yang akan dijalankan ini cuba mencadangkan pendekatan yang sesuai





dalam aktiviti *Circle Time* yang dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak.

Circle Time atau juga disebut sebagai perbualan pagi merupakan aktiviti yang dijalankan di semua TADIKa dengan teknik dan pendekatan yang berbeza. Pelbagai kemahiran dapat diterapkan oleh guru atau pendidik melalui aktiviti *Circle Time*. Antaranya ialah kemahiran berbahasa dan komunikasi, kemahiran bersosial dan emosi, kemahiran literasi dan lain-lain. Menurut Kamala et al. (2018), *Circle Time* atau perbualan pagi merupakan aktiviti rutin yang dijalankan setiap hari bertujuan untuk mempersiapkan kanak-kanak dari segi mental dan emosi untuk mengikuti sesi pembelajaran pada hari berkenaan.

Dalam konteks sejarah, *Circle Time* bermula di New Jersey pada tahun 1991 melalui pelbagai istilah yang digunakan. Istilah lain bagi *Circle Time* ialah *Tribes*, *Learning Circles* dan *Circle Solutions* (Roffey & McCarthy, 2013). Menurut Abed (2014), *Circle Time* perlu dijalankan pada setiap hari persekolahan untuk mendapatkan hasil yang positif. Kanak-kanak berasa disenangi dan dihargai seterusnya memudahkan mereka untuk berkongsi idea dalam persekitaran pembelajaran yang selesa. *Circle Time* boleh dijalankan dalam kumpulan besar (perhimpunan) atau kumpulan kecil. Bagi *Circle Time* yang dijalankan dalam kumpulan besar, kanak-kanak berkumpul di ruang yang besar dan mereka terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Guru memberi salam dan bertanya khabar kepada mereka. Kemudian, mereka membaca doa dan ikrar serta membuat senaman ringkas. *Circle Time* yang dijalankan dalam kumpulan besar selalunya melibatkan kanak-kanak yang berusia enam hingga lapan tahun.



Bagi kumpulan kecil pula, kanak-kanak dibahagikan kepada kumpulan umur atau bilik masing-masing. Mereka berbual dan bersoal jawab tentang banyak perkara seperti cuaca, kalendar dan lain-lain. Guru bebas menggunakan kreativiti masing-masing semasa mengendalikan aktiviti *Circle Time*. Kanak-kanak diminta untuk bercakap, berbual dan bertanya apa-apa soalan sepanjang *Circle Time* dijalankan. Mereka terdiri daripada kanak-kanak yang berusia dari tiga hingga lima tahun.

Berdasarkan KSPK (2017), *Circle Time* disebut sebagai perbualan awal. Aktiviti yang boleh dilakukan ketika perbualan awal atau *Circle Time* adalah seperti berkongsi idea, bercerita, menyanyi dan lain-lain aktiviti yang boleh menambahkan kosa kata, meningkatkan kemahiran bersosial serta menggalakkan penyertaan aktif dalam kalangan kanak-kanak. Sesi perbualan awal diperuntukkan selama 20 minit sehari. Oleh itu, aktiviti *Circle Time* adalah penting bagi kanak-kanak. Aktiviti *Circle Time* ini akan memberikan peluang kepada anak-anak untuk mengembangkan pelbagai kemahiran seperti kemahiran berbahasa dan komunikasi dengan orang lain, kemahiran bersosial dan emosi, kemahiran literasi dan lain-lain.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Di TADIKTA terdapat pelbagai sikap kanak-kanak yang akan dihadapi oleh guru. Ada kanak-kanak yang petah berkata-kata, ada yang mesra, dan ada yang pemalu. Malu merupakan salah satu sikap yang timbul dari dalam diri kanak-kanak. Sikap pemalu berakar daripada rasa rendah diri yang tinggi. Kanak-kanak yang mempunyai sifat pemalu kebiasaannya akan mengelak untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti





sosial. Akibatnya, mereka akan berasa segan untuk bersuara seperti menyatakan pandangan atau membangkang sesuatu perkara.

Kanak-kanak yang pemalu tidak banyak berinteraksi dan berkomunikasi ketika aktiviti *Circle Time* dijalankan. Hal ini juga menyebabkan pelajar tidak mahu bertanya atau berkongsi pendapat dan membatasi usaha guru untuk melakukan lebih daripada apa yang dirasakan selesa (Azriana & Yahida, 2012). Perkara ini berlaku disebabkan kanak-kanak tersebut tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik. Kemahiran berkomunikasi merupakan salah satu kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak sebelum melangkah kepada kemahiran membaca dan menulis. Masalah komunikasi bukan sahaja mempengaruhi pencapaian literasi dan akademik kanak-kanak, malah menyumbang kepada masalah sosial dengan rakan sebaya, guru dan ibu bapa pada masa hadapan (Law, Rush, & McBean, 2014). Azni (2012) mengatakan bahawa pada peringkat awal usia TADIK, kanak-kanak tidak berupaya untuk berkomunikasi dengan baik sekiranya mereka tidak didedahkan dengan pendekatan sewajarnya. Mereka terbahagi kepada dua kategori.

Pertama, kanak-kanak yang dikatakan menghadapi masalah atau kesukaran dalam menyampaikan makna atau mesej kepada pendengarnya oleh sebab pencapaian linguistik dan kebolehan kognitif mereka yang rendah (Azni, 2012). Menurut Kow (2000, dipetik dari Azni, 2012), kesukaran-kesukaran ini adalah seperti mempunyai sifat malu, kurangnya pengetahuan tentang penggunaan sesuatu perbendaharaan kata dan tatabahasa yang diperlukan bagi membentuk sebuah ayat yang lengkap, serta perasaan cepat bosan terhadap sesuatu perkara dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini turut disokong oleh Zainiah et al. (2021) yang mengatakan bahawa pendedahan





terhadap bahasa dan komunikasi yang baik adalah penting untuk meningkatkan perhubungan sosial dan perkembangan kognitif kanak-kanak.

Kedua, kanak-kanak yang terlalu banyak bertutur atau bercakap. Mereka selalunya tidak memberi ruang kepada rakan-rakan lain untuk bercakap menyebabkan emosi rakan-rakan lain terganggu. Mereka ingin bercakap tentang segala-galanya dan tidak berasa segan untuk menyatakan perasaan mereka. Mereka mungkin terdiam seketika apabila diminta oleh guru untuk berbuat demikian. Tidak lama kemudian, mereka akan bercakap kembali. Percakapan mereka tidak ubah seperti bertih jagung. Keadaan ini akan mendatangkan perasaan kurang senang atau tidak seronok dalam kalangan kanak-kanak lain (Shore, 2013). Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk menangani masalah ini.



Selain kanak-kanak, guru juga merupakan elemen penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan kanak-kanak (Mok, 2012). Antara isu yang berkaitan dengan guru ialah guru tidak memahami konsep aktiviti *Circle Time* secara mendalam. Ini termasuklah guru tidak tahu melaksanakan aktiviti *Circle Time* yang dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak. *Circle Time* biasanya difahami oleh guru sebagai perbualan pagi. Istilah perbualan pagi terhad kepada waktu pagi sahaja sedangkan aktiviti *Circle Time* boleh dijalankan untuk berpindah daripada satu aktiviti kepada aktiviti lain. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), guru memainkan peranan penting untuk membentuk perkembangan kanak-kanak yang berkesan. Guru yang pandai dan kreatif menarik minat kanak-kanak dapat membantu mereka untuk meningkatkan pencapaian dari semasa ke semasa. Maka guru tidak seharusnya mengehendkan aktiviti ketika mengendalikan *Circle Time* bersama kanak-kanak.





Pelbagai teknik dan pendekatan yang boleh digunakan oleh guru sepanjang mengendalikan *Circle Time*. Antaranya ialah perbincangan, soal jawab, bercerita dan sebagainya (Bustam, 2012). Oleh hal yang demikian, penglibatan guru dalam memastikan kanak-kanak berinteraksi dan bertindak aktif semasa aktiviti *Circle Time* amat penting untuk meningkatkan kemahiran asas mereka, khususnya aspek-aspek yang dikaitkan dengan kemahiran berkomunikasi.

Menurut Wilda (2018), bagi menarik minat kanak-kanak untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti *Circle Time*, guru sewajarnya menggunakan teknik bermain semasa mengendalikan *Circle Time* bersama kanak-kanak. Guru mesti lebih kreatif dan inovatif dalam membuat persiapan untuk mengendalikan aktiviti *Circle Time* agar dapat menarik minat kanak-kanak secara optimum (Wilda, 2018). Fatimah et al. (2008) mengemukakan enam bentuk permainan yang boleh dijalankan kepada kanak-kanak TADIK. Berikut adalah enam bentuk permainan yang dinyatakan oleh mereka:

Functional play

Constructive play

Parallel play

Onlooker play

Associative play

Cooperative play

Bagi menggalakkan sepenuhnya penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti *Circle Time*, guru boleh menggabungkan keenam-enam bentuk permainan ini semasa mengendalikan *Circle Time*. Melalui pendekatan bermain dengan menggunakan enam bentuk permainan ini, guru juga berupaya untuk menarik minat keseluruhan kanak-





kanak dalam usaha untuk menggalakkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain dengan lebih berkesan.

Selain kanak-kanak dan guru, ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. Namun begitu, rata-rata ibu bapa kurang memberi kerjasama, tidak cakna dan tidak faham mengenai kepentingan dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti di TADIKA, termasuk aktiviti *Circle Time*. Oleh itu, secara tidak langsung ini akan memberikan kesan yang negatif kepada perkembangan anak-anak sekali gus menyebabkan kemahiran mereka terjejas terutamanya kemahiran bersosial, kemahiran berkomunikasi dan sebagainya (Paezah & Faridah, 2017).

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran sangat mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Ibu bapa yang mengetahui dan memahami kepentingan aktiviti-aktiviti di TADIKA sebagai contoh aktiviti *Circle Time* akan turut mewujudkan sesi perbualan atau aktiviti berkumpul di rumah bersama anak-anaknya. Menurut Paezah dan Faridah (2017), penglibatan ibu bapa sebenarnya memudahkan ibu bapa dalam memahami konsep sebenar pembelajaran di TADIKA serta membantu membimbing dan mendidik anak-anak dalam pembelajaran. Di samping itu, penglibatan ini juga membantu ibu bapa untuk mengetahui tahap perkembangan dan kemahiran anak-anak serta membantu mereka untuk meningkatkan mutu pembelajaran.

Ibu bapa merupakan individu terdekat dan sering berkomunikasi dengan anak-anak mereka di dalam mahupun di luar rumah. Anak-anak lebih cenderung untuk mengikut cara ibu bapa mereka berkomunikasi. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam mengamalkan komunikasi sihat di rumah bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan, bahkan membantu anak-anak meningkatkan perkembangan diri, emosi





dan pencapaian mereka dalam pelajaran (Cooper, Robinson, & Patall, 2006). Menurut Melzi, Schick, dan Scarola (2018), guru prasekolah lazimnya menggalakkan ibu bapa mencari peluang untuk berkomunikasi dengan anak-anak setiap hari di rumah dengan menggabungkan bahasa lisan dan literasi bagi menyokong perkembangan asas mereka. Hal ini turut disokong oleh kajian Sabariah Faridah (2016) yang mengatakan bahawa penglibatan ibu bapa untuk mengamalkan ulang kaji membaca dan meluangkan masa untuk mengadakan aktiviti di rumah bersama anak-anak akan membantu untuk meningkat pencapaian mereka khususnya dalam pencapaian akademik.

Hal ini demikian kerana, lazimnya guru memberikan cadangan dan berkongsi teknik atau pendekatan kepada ibu bapa dalam usaha untuk membantu anak-anak mereka berkomunikasi dengan baik. Penglibatan ibu bapa atau keluarga dianggap sebagai pendekatan yang dilakukan oleh ibu bapa atau ahli keluarga lain bagi menggalakkan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak merentas persekitaran di rumah dan di TADIKAs.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada objektif yang telah dikenal pasti dan dinyatakan seperti berikut:

- i) Mengenal pasti aktiviti *Circle Time* yang dilaksanakan di TADIKAs swasta Bandar Seri Putra, Bangi.



- ii) Menganalisis pelaksanaan aktiviti *Circle Time* yang dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan kanak-kanak di TADIKA swasta Bandar Seri Putra, Bangi.
- iii) Mencadangkan aktiviti yang sesuai dalam sesi *Circle Time* yang dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

1.5 Persoalan Kajian


Persoalan kajian dapat dikenal pasti dengan merujuk kepada objektif kajian. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Apakah aktiviti *Circle Time* yang dilaksanakan di TADIKA swasta Bandar Seri Putra, Bangi?
- ii) Sejauhmanakah pelaksanaan *Circle Time* dapat membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan kanak-kanak di TADIKA swasta Bandar Seri Putra, Bangi?
- iii) Apakah jenis aktiviti yang sesuai dalam sesi *Circle Time* agar setiap kanak-kanak di TADIKA swasta Bandar Seri Putra, Bangi berpeluang untuk berkomunikasi?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual bagi kajian ini menunjukkan kemahiran bahasa dapat ditingkatkan melalui pendekatan dalam aktiviti *Circle Time*. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti harian kanak-kanak di peringkat TADIKA. Aktiviti interaktif yang menarik serta pendekatan yang kreatif dapat melahirkan perkembangan bahasa yang selari dengan perkembangan lain.

Perkembangan bahasa yang seimbang akan meningkatkan kemahiran berkomunikasi yang baik. Di samping itu, kanak-kanak, guru dan ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam kerangka ini. Pada akhir dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan aktiviti *Circle Time* yang sesuai bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak. Antara contohnya adalah seperti aktiviti-aktiviti interaktif yang mengaplikasikan pendekatan yang menarik dan sesuai serta mengaplikasikan aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan agar pelaksanaan *Circle Time* memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Kajian ini menonjolkan kepentingannya tersendiri kepada pihak-pihak seperti yang dinyatakan di bawah:

i. Guru-guru TADIKA

Dapatan daripada kajian ini diharap dapat memberikan input kepada guru-guru TADIKA dalam usaha untuk mencari penyelesaian terbaik bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi kanak-kanak menerusi pelaksanaan aktiviti *Circle Time*. Kajian ini juga diharap dapat memberikan inspirasi kepada guru-guru untuk merancang dan mengatur aktiviti *Circle Time* yang menarik seterusnya meningkatkan pencapaian kanak-kanak dalam kemahiran berkomunikasi. Di samping itu, *Circle Time* juga diharap mampu meningkatkan kesedaran guru TADIKA untuk mewujudkan persekitaran pendidikan yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dalam memupuk kemahiran berkomunikasi mereka secara optimum.

ii. Institusi TADIKA

Kajian ini akan meneroka pelaksanaan *Circle Time* di TADIKA itu sendiri. Maka, dapatan empirikal yang akan diperoleh menjadi garis panduan kepada TADIKA swasta dalam mempelbagaikan aktiviti yang mampu menyumbang kepada peningkatan prestasi kanak-kanak yang memberikan tumpuan kepada kemahiran berkomunikasi. Pada masa yang sama, kajian ini berupaya memberikan input baharu dan sesuai untuk diaplikasikan oleh pengkaji lain yang mahu mengembangkan idea berkaitan tajuk ini dalam penyelidikan akan datang.

iii. Kanak-kanak TADIKA

Melalui aktiviti *Circle Time* yang dijalankan, diharap kanak-kanak akan melewati persekitaran pembelajaran yang menarik, menghiburkan serta mendidik mereka.



Dengan cara ini, kanak-kanak akan berasa seronok setiap kali mengikuti rutin harian ini dan sentiasa bersedia untuk memulakan sesi pembelajaran baharu.

iv. Ibu bapa

Ibu bapa sangat memainkan peranan penting dalam perkembangan awal kanak-kanak terutama pada usia empat hingga enam tahun. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak dan memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah sesuatu yang amat penting dan tidak boleh dipandang remeh. Kanak-kanak berhak diberikan pendidikan dan seharusnya didedahkan dengan pendidikan sejak awal usia. Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan memberi pendedahan kepada ibu bapa tentang aktiviti pembelajaran kanak-kanak dengan konsisten seterusnya membantu perkembangan anak-anak secara menyeluruh.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian ini tertumpu kepada beberapa aspek, iaitu kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melakukan pemilihan melalui pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pensampelan ini hanya melibatkan kanak-kanak lelaki berusia lima tahun. Kanak-kanak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kanak-kanak di TADIKa swasta di Bandar Seri Putra, Bangi. Kajian ini hanya menggunakan kaedah pemerhatian melibatkan dua (2) orang kanak-kanak yang mempunyai masalah komunikasi, manakala temu bual melibatkan satu (1) orang guru kelas lima (5) tahun dan ibu peserta kajian. Guru yang dipilih ialah guru yang memiliki kelulusan Sarjana





Pendidikan yang memiliki pengalaman dan latihan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak selama 5 tahun.

1.9 Definisi Operasional

Bahagian ini akan membincangkan definisi operasional bagi beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian. Definisi operasional diberikan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kajian ini.

1.9.1 *Circle Time*



Merujuk Panduan Kualiti Kurikulum Permata Negara (Jawatankuasa Jaminan Kualiti Permata Q, 2017), *Circle Time* didefinisikan sebagai perjumpaan pagi yang mana kanak-kanak dikehendaki untuk berkumpul (dalam satu kumpulan). *Circle Time* dimulakan dengan membaca doa kemudiannya nyanyian lagu patriotik serta membaca ikrar. Kanak-kanak akan berada dalam persekitaran yang selamat dan berpusatkan mereka.

Dalam konteks kajian ini, *Circle Time* ialah rutin perbualan pagi yang dijalankan selama lebih kurang 20 hingga 30 minit. Kanak-kanak digalakkan untuk menyertai aktiviti ini. Guru memulakan sesi *Circle Time* dengan bertanyakan khabar kanak-kanak, membaca doa, mengamalkan aktiviti yang interaktif seperti bercerita,





bersoal jawab dan bermain. Tambahan lagi, guru turut menerapkan elemen kerohanian semasa sesi *Circle Time* khususnya akidah dan adab.

1.9.2 Kemahiran Komunikasi

Pada peringkat awal pembelajaran kanak-kanak, komunikasi adalah penting untuk membantu kanak-kanak membina keyakinan diri dan membentuk kemahiran-kemahiran yang lain terutama kemahiran akademik. Komunikasi yang berkesan harus berlaku dengan berkongsi makna dan persefahaman antara guru dan kanak-kanak dalam persekitaran awal kanak-kanak yang positif (Swari, Tantra, & Pratiwi, 2020).

Menurut Nurul Salmi dan Mohd Isha (2014), kemahiran berkomunikasi didefinisikan sebagai kebolehan untuk berinteraksi atau berhubung dengan orang lain menerusi medium tertentu.

Dalam konteks kajian ini, kemahiran berkomunikasi kanak-kanak seperti berinteraksi dengan rakan-rakan dan guru, memberi tumpuan ketika berbual, memberi respons dengan cara bertutur atau bahasa badan semasa aktiviti *Circle Time* dijalankan. Antara aktiviti yang boleh dijalankan semasa sesi *Circle Time* bagi mengembangkan kemahiran-kemahiran di atas adalah menerusi aktiviti bermain dan bercerita. Aktiviti tersebut berfungsi sebagai kaedah terbaik untuk membantu kanak-kanak menguasai konsep bahasa yang abstrak melalui pengalaman konkrit seperti yang dinyatakan oleh Aliza dan Zamri (2014).





1.9.3 Kanak-kanak TADIKA

Kanak-kanak TADIKA ialah kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun yang mengikuti program pendidikan prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kanak-kanak TADIKA akan mengikuti pengajaran dan pembelajaran mengikut kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK 2017) yang padat dan tersusun untuk membantu perkembangan mereka serta berkeyakinan melangkah ke tahun satu.

Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak TADIKA ialah kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun yang mengikuti program prasekolah di institusi TADIKA swasta. Kanak-kanak yang berdaftar di TADIKA swasta turut mendapat pendidikan sama seperti kanak-kanak yang berdaftar di prasekolah kerajaan, iaitu mereka juga mengikuti kurikulum yang digariskan dalam KSPK 2017. Selain itu, kanak-kanak TADIKA juga akan mempelajari kurikulum tambahan yang telah disediakan oleh pihak pentadbir TADIKA tersebut.

1.9.4 TADIKA Swasta

TADIKA membawa maksud Taman Didikan Kanak-kanak yang beroperasi berpandukan KSPK (2017). Kanak-kanak yang mendaftar biasanya berumur antara empat hingga enam tahun dan berjumlah seramai 25 orang dalam sesebuah TADIKA. Tempoh pengajaran dan pembelajaran adalah tidak kurang daripada tiga jam sehari dalam lima hari seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Maka dengan itu,



wujudnya TADIKAswasta yang mengenakan bayaran bersesuaian dengan kemampuan ibu bapa. Tambahan lagi, penubuhan TADIKAswasta perlu berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), iaitu di bawah Unit Pendidikan Swasta.

Dalam konteks kajian ini, TADIKAswasta yang telah dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah sebuah TADIKA francais yang mempunyai lebih 400 buah cawangan di seluruh Malaysia. TADIKAdipilih oleh pengkaji kerana TADIKAdi melaksanakan sesi *Circle Time* dalam jadual aktiviti harian mereka.

1.10 Kesimpulan

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan aspek-aspek penting yang dikaitkan dengan kajian, iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, kerangka konseptual kajian dan kesimpulan. Aspek-aspek tinjauan akan dibincangkan dalam bab seterusnya.